




anjaran  
KEMENTERIAN  
KEBUDAYAAN,  
KESENIAN DAN  
PELANCONGAN  
MALAYSIA

# *Festival* **TARI** *Kebangsaan '99*

*Tarikh*  
**11 - 13 Oktober 1999**

*Masa*  
**8.30 malam**

*Tempat*  
**Istana Budaya  
Kuala Lumpur**



# Festival **TARI** Kebangsaan '99

## objektif program

- Meningkatkan mutu persembahan “kumpulan tarian tetap” yang aktif di setiap negeri kearah memupuk citarasa cintakan kesenian bangsa di kalangan penggiat-penggiat seni tanah air
- Memelihara kesinambungan, meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang tanggung jawab untuk memelihara dan memperkembangkan warisan budaya kebangsaan.
- Memberi peluang kepada peserta (koreografer dan penari) menunjukkan bakat dan kreativiti dengan mempamerkan kualiti seni tari yang bermutu tinggi selaras dengan nilai-nilai keperibadian kebangsaan



## Perutusan

YB. Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

**F**estival Tari Kebangsaan '99 merupakan suatu arena di mana persembahan tari yang terbaik di peringkat negeri dipertandingkan. Idea mengadakan festival ini ialah untuk memupuk ke arah persembahan yang bertaraf unggul yang mempamerkan mutu estetika dan seni yang cemerlang yang layak dipersembahkan di peringkat antarabangsa.

Kerajaan sedar bahawa usaha memartabatkan seni persembahan seperti tari, muzik, nyanyian termasuk juga seni persembahan tradisional seperti bangsawan, mak-yong, dikir barat dan lain-lain akan dapat mengembang bentuk seni ini ke peringkat yang lebih tinggi selain dari meluaskan bilangan aktivis dan khalayaknya. Usaha ini akan juga menyumbang ke arah pembentukan nilai-nilai murni sejagat melalui ketertarikan kreativiti dan keharmonian dalam persembahan yang berkaitan.

Saya berharap Festival Tari Kebangsaan '99 akan berupaya melahirkan suatu generasi aktivis tari berpotensi tinggi dan mempunyai tahap kreativiti yang sukar ditandingi untuk mengisi ruang persembahan di Istana Budaya. Dengan itu saya menyeru kepada mereka yang terlibat secara langsung dengan seni persembahan tari ini untuk mengembelikan tenaga dan fikiran ke arah



menghasilkan tarian-tarian yang boleh dijulung dari segi bentuk persembahan dan kreativitinya.

Akhir sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan-kerajaan negeri yang memberi kerjasama dalam menjayakan Festival Tari Kebangsaan '99 dan berharap usaha yang baik ini dapat diberi sokongan berterusan pada tahun-tahun akan datang.

Terima kasih.

Ikhlas,

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir**  
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan  
Malaysia



# Kata-Kata Aluan

*Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

**F**estival Tari Kebangsaan '99 merupakan kesinambungan usaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan ke arah memertabatkan seni budaya bangsa ketahap terulung. Festival ini juga adalah suatu medan pertemuan seni tari dikalangan negeri-negeri untuk memperagakan keindahan tari negeri masing-masing dan seterusnya memperlihatkan kecemerlangan dan keunggulannya.

Festival Tari Kebangsaan tahun ini diadakan di Istana Budaya sebagai suatu pengiktirafan tentang tahap persembahan tarian dari negeri-negeri. Negara kita memang kaya dengan pelbagai seni persembahan dan melaluinya suatu tahap kreativiti yang tinggi dapat diketengahkan. Peningkatan kreativiti seni tari adalah suatu proses ke arah membentuk suatu seni persembahan yang cemerlang di rantau ASEAN dan juga di peringkat antarabangsa.

Saya yakin bahawa dengan sokongan dan kerjasama yang berterusan dari YB Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri Festival ini akan dapat menampilkan kumpulan-kumpulan yang berwibawa dan bermutu dan sesungguhnya kejayaan ini juga bergantung rapat dengan kesediaan para aktivis seni tari untuk menjalani latihan secara intensif dan tabah.

Akhir kata saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas kepada Jawatan-



kuasa Penganjur Festival Tari Kebangsaan '99 dan pihak penganjur di peringkat negeri yang sama-sama mengembelingkan idea dan tenaga untuk menjayakan Festival Tari Kebangsaan '99.

Sekian.

Ikhtlas,

**Dato' Iskandar Dzakurnain bin Badaruddin**  
*Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,  
Malaysia*



# Kata-Kata Aluan

*Setiausaha Bahagian, Bahagian Kebudayaan,*

*Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

**F**estival Tari Kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan pada kali kelapannya tahun ini merupakan persembahan terakhir untuk dekad 1990 an. Festival ini telah berlangsung di Oditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sejak tahun 1992 yang lalu. Pada tahun ini Festival berupaya masuk ke Istana Budaya sebagai tempat persembahan dan ini merupakan satu pengiktirafan tinggi kepada bidang seni ini.

Pembangunan kebudayaan dan kesenian adalah satu kegiatan berterusan yang melibatkan usaha-usaha pemuliharaan dan pengembangan dan seterusnya menuju ke arah kecemerlangan. Festival Tari Kebangsaan adalah kemuncak kepada kegiatan dalam bidang ini yang dipupuk di peringkat sekolah dan program Tunas Budaya di bawah Kementerian dan juga merupakan suatu bidang seni yang dihayati oleh kumpulan-kumpulan budaya dan seni setempat samada di peringkat daerah mahupun di peringkat negeri.

Usaha berterusan oleh Kementerian melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri beserta dengan Majlis-Majlis Kebudayaan Negeri dan Pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan berupaya membentuk pelapis generasi baru dalam bidang budaya dan seni khususnya di bidang seni tari, muzik dan seni teater. Saya berkeyakinan bahawa perancangan yang dibuat oleh Kementerian dan Kerajaan-kerajaan



Negeri dalam memupuk kecintaan masyarakat kepada budaya dan seni semasa dapat menarik perhatian generasi muda untuk sama-sama berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti yang dapat membentuk nilai murni dan jatidiri mereka sebagai rakyat Malaysia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Penganjur dan pihak Istana Budaya serta dengan pegawai-pegawainya di atas kerjasama menjayakan Festival Tari Kebangsaan '99 pada tahun ini.

Sekian.

**Haji Mohd Ariff bin Yusof**  
*Setiausaha Bahagian Kebudayaan,  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan  
Malaysia.*

# PERATURAN FESTIVAL TARI KEBANGSAAN '99

## 1. PENDAHULUAN

Festival Tari Kebangsaan merupakan satu program tahunan anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang telah dilaksanakan semenjak tahun 1992 lagi. Program ini antara lain berasaskan hasrat memantapkan lagi kumpulan-kumpulan kesenian di peringkat negeri selaras dengan perkembangan pesat dalam bidang kesenian disamping menjadikan kesenian sebagai suatu pengisian kepada industri pelancongan yang semakin pesat dan berkembang maju.

## 2. Tarikh dan Tempat Persembahan

*Tarikh :*

11 hingga 13 Oktober 1999

*Tempat Persembahan :*

Auditorium Istana Budaya,  
Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

*Tempat Penginapan :*

Hotel City Villa, Kuala Lumpur

## 3. PENYERTAAN

### 3.1 Negeri

Semua negeri termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipelawa untuk menyertai Festival Tari Kebangsaan.

### 3.2 Peserta

Seramai 25 orang peserta akan mewakili setiap satu kumpulan yang terdiri daripada penari, pemuzik, koreografer, dan pegawai penyelaras.

### 3.3 Panel Penilai

Lima orang Panel Penilai akan dilantik bagi mengadili pertandingan dalam persembahan tarian. Selain dari Panel Penilai, juri juga turut dilantik, iaitu seorang juri dari setiap kumpulan. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.

## 4. SYARAT PENYERTAAN

4.1 Penyertaan hanya terbuka kepada kumpulan seni tari yang tetap dan sedia wujud serta aktif di peringkat negeri. Pengarah Kebudayaan dan Kesenian Negeri akan mengenalpasti kumpulan yang berwibawa di peringkat negeri setelah berbincang dengan Pejabat Setiausaha Kerajaan/Pejabat Datuk Bandar bagi mewakili negeri berkenaan ke festival ini.

4.2 Bilangan ahli setiap kumpulan hendaklah tidak melebihi 25 orang termasuk seorang Pegawai, seorang Pereka Tari dan seorang Juri.

4.3 Sesebuah kumpulan yang terdiri daripada gabungan beberapa kumpulan tarian yang sedia ada tidak boleh dianggap sebagai kumpulan tetap dan tidaklah layak menyertai festival ini.

## 5. FORMAT PELAKSANAAN

5.1 Setiap kumpulan dikehendaki menggunakan "live music" manakala penggunaan pita kaset atau cakera padat dan seumpamanya tidak dibenarkan.

5.2 Persembahan hendaklah mengandungi dua bahagian iaitu:

5.2.1 Bahagian Asli  
(Tidak melebihi 10 minit)

5.2.2 Bahagian Kreatif  
(Tidak melebihi 20 minit)

5.3 Penggunaan alat-alat muzik tradisional untuk kesan bunyi adalah digalakkan.

## 6. KATEGORI PERSEMAHAN

### 6.1 Bahagian Asli

6.1.1 Bahagian Asli ini bermaksud tarian sambutan yang berlataran muzik lagu-lagu asli Melayu. Setiap kumpulan hendaklah memilih dua dari Tarian Sambutan Lagu Asli Melayu yang disenaraikan seperti berikut:-

- i. Zapin
- ii. Joget
- iii. Inang
- iv. Melayu Asli

6.1.2 Persembahan tarian dalam bahagian ini hendaklah berdasarkan darimana asalnya tarian itu.

6.1.3 Penggunaan alat muzik elektronik tidak dibenarkan sama sekali

6.1.4 Penari-penari tidak dibenarkan memakai alas kaki

6.1.5 Setiap kumpulan dikehendaki memakai busana yang sopan yang bersesuaian dengan tarian yang dipersembahkan

6.1.6 Kumpulan dibenarkan menggunakan penyanyi untuk persembahan ini

6.1.7 Persembahan hendaklah tidak melebihi 10 minit

### 6.2 Bahagian Kreatif

6.2.1 Persembahan dalam kategori ini adalah merupakan satu koreografi tari dan haruslah berlandaskan elemen tradisional atau etnik Malaysia secara kreatif dan bukan berbentuk dramatari tetapi mempunyai tema.

6.2.2 Penggunaan alat muzik elektronik yang tidak diprogramkan adalah dibenarkan. Di samping itu penggunaan alat muzik tradisional adalah digalakkan

6.2.3 Persembahan hendaklah tidak melebihi 20 minit

## 7. HADIAH

Pihak penganjur akan menyediakan hadiah berupa wang tunai dan piala kepada pemenang mengikut kategori berikut:

- i) Kumpulan Terbaik RM 5,000.00 dan piala iringan
- ii) Persembahan Terbaik Tarian Asli RM 3,000.00 dan piala iringan
- iii) Persembahan Harapan RM 2,000.00 dan piala iringan
- iv) Anugerah Koreografer Terbaik (Kreatif) RM 1,500.00 dan piala iringan
- v) Anugerah Koreografer Terbaik (Asli)

RM 1,500.00 dan piala iringan

- vi) Anugerah Susunan Muzik Terbaik (Kreatif) RM 1,500.00 dan piala iringan
- vii) Anugerah Susunan Muzik Terbaik (Asli) RM 1,500.00 dan piala iringan
- viii) Anugerah Kostum Terbaik (Asli) RM 1,500.00 dan piala iringan
- ix) Anugerah kostum Terbaik (Kreatif) RM 1,500.00 dan piala iringan
- x) Saguhati untuk 7 kump. (RM1000 x 7 Kump.) RM7,000.00

#### 8. HAL-HAL LAIN

- 8.1 Setiap kumpulan yang mengambil bahagian dalam Festival ini hendaklah menanggung sendiri perbelanjaan kumpulan masing-masing dari segi persediaan latihan, jurulatih, penyediaan pakaian selengkap-lengkapannya. Apa-apa perbelanjaan atau kerugian semasa persembahan adalah tanggung jawab kumpulan masing-masing.
- 8.2 Setiap kumpulan dikehendaki mengambil ansuran perjalanan sendiri bagi ahli-ahlinya.

#### 9. PENUTUP

Sebagai sebuah program tahunan anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, maka besarlah harapan agar festival seperti ini dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat dalam hubungan untuk memelihara dan mengembangkan warisan seni kebangsaan yang tersirat pelbagai nilai dan falsafah di dalamnya.

**Bahagian Kebudayaan  
Kementerian Kebudayaan,  
Kesenian dan Pelancongan Malaysia**

## FORMAT PEMARKAHAN FESTIVAL TARI '99

1. Penilaian akan dibuat mengikut pecahan peratusan dalam tiga kategori berikut;

1.1	Panel Penilai	-	70%
1.2	Juri	-	25%
1.3	Ketepatan waktu	-	05%
		<b>Jumlah</b>	<b>100%</b>

#### 2. PANEL PENILAI

- 2.1 KKKP akan melantik 5 orang panel penilai yang mempunyai kepakaran dalam bidang tarian dan disiplin bantu yang berkaitan.
- 2.2 Panel penilai terdiri dari seorang pengerusi dan empat orang ahli panel yang akan memberi markah kepada kumpulan
- 2.3 Sebanyak 70% markah datangnya dari panel penilai
- 2.4 Pemberian markah dibuat dalam dua bahagian iaitu;
  - i) Bahagian Kreatif - 60%
  - ii) Bahagian Asli - 40%

Markah Bahagian Asli dan Kreatif akan dicampur bagi menentukan peratus markah dari panel penilai

- 2.5 Pemberian markah adalah berdasarkan kepada keaslian / kreativiti, keseragaman, kostume, muzik dan lain-lain.
- 2.6 Keputusan panel penilai adalah muktamad

#### 3. JURI

- 3.1 Seorang juri dari setiap kumpulan akan dilantik bagi menganggotai Jawatankuasa Panel Penilai
- 3.2 Juri yang dilantik hendaklah hadir pada setiap malam persembahan. Juri yang gagal hadir untuk menilai satu atau lebih persembahan akan dibatalkan
- 3.3 Sebanyak 25% markah datangnya dari Juri
- 3.4 Setiap juri akan memberi markah (peratus) kepada kumpulan secara keseluruhan. Markah dari setiap juri akan dicampur bagi menentukan peratus markah dari juri untuk setiap persembahan kumpulan
- 3.5 Pemberian markah adalah berdasarkan kepada keaslian / kreativiti, keseragaman, kostume, muzik dan lain-lain yang bersangkutan dengan sesebuah tarian yang dipersembahkan
- 3.6 Setiap juri tidak dibenarkan memberi markah kepada negeri yang diwakili.
- 3.7 Para Juri tidak dibenarkan berbincang antara satu sama lain dalam pemberian markah kepada kumpulan
- 3.8 Keputusan para juri adalah muktamad

#### 4. KETEPATAN WAKTU

• tolak (-) 2%

- 4.1 Seorang penjaga waktu (masa) akan dilantik dari kalangan Pegawai KKKP
- 4.2 Sebanyak 5% markah datangnya dari Ketepatan Waktu
- 4.3 Pembahagian markah dalam bahagian Ketepatan Waktu adalah seperti berikut;
- i) 30 minit - 35 minit
    - 5% (markah penuh)
  - ii) 36 minit - 40 minit
    - tolak (-) 2%
  - ii) 41 minit - 45 minit
    - tolak (-) 3%
  - iii) 46 minit keatas
    - 0
  - iii) kurang dari 25 minit

5. **MARKAH KEPUTUSAN;**  
Markah panel Penilai, Juri, dan Ketepatan Waktu akan dicampur bagi menentukan kemenangan
6. Ketua panel penilai berhak memberi pandangan dan pendapat
7. Markah keseluruhan ditentukan oleh panel penilai
8. Keputusan adalah muktamad

Jawatankuasa Panel Penilai  
Festival Tari Kebangsaan '99  
Kementerian Kebudayaan,  
Kesenian dan Pelancongan Malaysia

### ANUGERAH PEMENANG FTK '99

- PERSEMBAHAN TERBAIK
- PERSEMBAHAN TERBAIK ASLI
- PERSEMBAHAN HARAPAN
- KOREOGRAFER TERBAIK ASLI
- KOREOGRAFER TERBAIK KREATIF
- SUSUNAN MUZIK TERBAIK ASLI
- SUSUNAN MUZIK TERBAIK KREATIF
- KOSTUME TERBAIK ASLI
- KOSTUME TERBAIK KREATIF

## ATURCARA MAJLIS PERASMIAN FESTIVAL TARI KEBANGSAAN '99 11 Oktober 1999 (Isnin)

**7.50 malam**

Para peserta mengambil tempat

**8.00 malam**

Ketibaan para jemputan

**8.20 malam**

Ketibaan YM Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid  
*Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian  
dan Pelancongan Malaysia*

**8.25 malam**

Ketibaan YBhg Dato' Iskandar Dzakurnain bin Badarudin  
*Ketua Setiausaha  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian  
dan Pelancongan Malaysia*

**8.30 malam**

Upacara Perasmian Festival Tari Kebangsaan '99 oleh  
YBhg Dato' Iskandar Dzakurnain bin Badarudin  
*Ketua Setiausaha  
Kementerian Kebudayaan, Kesenian  
dan Pelancongan Malaysia*

**8.45 malam**

Persembahan oleh  
Kumpulan Tarian Negeri-Negeri

**11.00 malam**

Bersurai

**ATURCARA MAJLIS PENUTUP  
DAN PENYAMPAIAN HADIAH  
FESTIVAL TARI KEBANGSAAN '99  
13 Oktober 1999 (Rabu)**

**7.50 malam**

Para peserta mengambil tempat

**8.00 malam**

Ketibaan para jemputan

**8.20 malam**

Ketibaan

YB Dato' Mohd. Noh Rajab  
*Setiusaba Parlimen*

*Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

YBhg Dato' Iskandar Dzakurnain bin Badarudin  
*Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

YM Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid  
*Timbalan Ketua Setiausaha*  
*Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

**8.25 malam**

Ketibaan

YB Dato' Abdul Kadir bin Hj. Sheikh Fadzir  
*Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

**8.30 malam**

Persembahan oleh Kumpulan Tarian Negeri-Negeri  
Persembahan Selingan  
Ulasan Ketua Panel Penilai  
Upacara Penyampaian Sijil dan Hadiah Oleh  
YB Dato' Abdul Kadir bin Hj. Sheikh Fadzir  
*Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia*

**11.30 malam**

Bersurai

*Jadual Persembahan Tarian*

**11 Oktober 1999 (Isnin)**

Kumpulan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah  
Kumpulan Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Selangor  
Kumpulan Angkatan Seni Baru Negeri Sembilan Sdn. Bhd

**12 Oktober 1999 (Selasa)**

Kumpulan Briged Seni Mutiara, Pulau Pinang  
Kumpulan Taman Seni Budaya Yayasan Warisan Johor  
Kumpulan Selendang Perak, Negeri Perak  
Kumpulan Briged Budaya Majlis Perbandaran Kuantan Pahang

**13 Oktober 1999 (Rabu)**

Kumpulan Badan Kesenian Negeri Kedah  
Kumpulan Kristal Kirana Perlis  
Kumpulan Badan Kesenian D'Cipta Kementerian Pembangunan  
Sosial Negeri Sarawak

# Jawatankuasa Penganjur

## PENAUNG

YB. Dato' Abdul Kadir bin Hj. Sheikh Fadzir  
*Menteri Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan*

## PENASIHAT

YBhg. Dato' Iskandar Dzakurnain bin Badarudin  
*Ketua Setiausaha*  
*Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan*

YM. Dato' Tengku Alaudin Tengku Abdul Majid  
*Timbalan Ketua Setiausaha*  
*Menteri Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan*

## PENGERUSI

YBrs. Tuan Haji Mohd Ariff bin Yusof  
*Setiausaha Bahagian Kebudayaan*

## SETIAUSAHA

Encik Othman bin Ahmad  
*Ketua Penolong Setiausaha*  
*Bahagian Kebudayaan*

## PENOLONG SETIAUSAHA

Encik Abdul Manap bin Abdul Hamid  
*Penolong Setiausaha*  
*Bahagian Kebudayaan*

# Ahli

## Perlis

Encik Ramli Salleh  
Encik Dohat Shafiee

## Kedah

Encik Mohd. Sukarno Abdul Wahab  
Encik Ammar Mahmood

## Pulau Pinang

Encik Siri Neng Buah  
Encik Awalludin Hj. Nawawi

## Perak

Encik Nawi Adek  
Encik Mustafa Kamal Tajuddin

## Wilayah Persekutuan

Tuan Haji Sulaiman Yusof

## Selangor

Puan Sermaini Pien  
Encik Rozali B. Ahmad  
Encik Nor Azman S.Ali

## Negeri Sembilan

Encik Abdul Rauap Puteh  
Encik Sazali Salehudin  
Cik Eliza Mustafa

## Melaka

Encik Baharuddin Haji Jamil

## Johor

Encik Mohd. Razy Mohd. Nor  
Encik Sudirman Margono  
Encik Zulkafli Ahmad

## Pahang

Encik Abd. Hamid Muhamad  
Encik Nazri Yusof

## Terengganu

Encik Mohd Zin Haji Mohd. Sahid

## Kelantan

Encik Ismail Yusof

## Sabah

Encik Chua Tek luwi  
Encik Jamil Magayad

## Sarawak

Puan Jamilah Mohd. Siron  
Encik Sharkawi Haji Amit  
Tuan Hj. Zamudin Mat

## Istana Budaya

Tuan Hj. Supiat Mukri

## Akademi Seni Kebangsaan

Dr. Hatta Azad Khan

## MATIC

Cik Nurhijjah Alias

## Bahagian Kebudayaan

Encik Mohd. Bisharuddin bin Mohd.  
Noor Basha  
Puan Noorsiah Sabri

## Ahli Jawatankuasa Kerja

### PENGERUSI

YBrs. Tuan Haji Mohd Ariff bin Yusof

### SETIAUSAHA

Encik Othman Ahmad

### AHLI

Tuan Hj. Supiat Mukri

Dr. Hatta Azad Khan

Encik Mohd. Bisharuddin bin Mohd. Noor Basha

Puan Noorsiah Sabri

Abdul Manap Abdul Hamid

## Ahli Jawatankuasa Kecil

### URUSETIA

### Pengerusi

Encik Othman Ahmad

### Setiausaha

Abdul Manap Abdul Hamid

### Ahli

Puan Norbaya Jamaluddin • Encik Ghazali Bidin • Encik Rodzuan Ismail

• Encik Ridzuan Abdul Salam • Encik Che Kassim Mahmud •

Encik Azimi Abd. Shukor • Encik Hussin Yahya • Cik Junaidah Salleh •

Puan Mariani Ahmad • Encik Haslan Mohd Nasir Abdullah •

Encik Zamri Muhammad • Encik Zaifri Husin •

Encik Mohamed Saleh Montel • Puan Khadijah Juliana M.Johari • Puan

Norasmah Hashim • Puan Uni Kalsom Mat

## Jawatankuasa Kewangan

### Pengerusi

Encik Othman Ahmad

### Setiausaha

Encik Ghazali Bidin

### Ahli

Encik Abdul Manap Abdul Hamid

Encik Hussin Yahya

## Jawatankuasa Penginapan dan Makanan Minum

### Pengerusi

Encik Abdul Manap Abdul Hamid

### Setiausaha

Encik Hussin Yahaya

### Ahli

Encik Azimi Abd. Shukor

Encik Ridzuan Abdul Salam

Cik Junaidah Salleh

Encik Mohd. Ridzuan Kamaludin

Encik Ismail Zakira

Puan Khadijah Juliana M.Johari

## Jawatankuasa Kebajikan dan Pengangkutan

### Pengerusi

Encik Hussin Yahaya

### Setiausaha

Encik Azimi Abdul Shukor

### Ahli

Encik Ridzuan Abdul Salam

Encik Abdul Hamid Abdul Aziz

Encik Mazlan Ahmad

Tuan Syed Idrus Syed Zain

Encik Ridzuan Kamaludin

## Jawatankuasa Teknikal dan Persembahan

### Pengerusi

Encik Mohamad Adnan Hj. Hamzah

### Setiausaha

Encik Saini Lihi

### Ahli

Encik Ridzuan Abdul Salam

Encik Zulkifli Rashid

Encik Abdul Hamid Abdul Aziz

Encik Mazlan Ahmad

Tuan Syed Idrus Syed Zain

Encik Lokman Ghani

Puan Maimun Hj. Abbas

Encik Mohd. Zaki Abu Samah

Encik Rasol Ahmad

Encik Abd. Razak Rahman

Encik Mohd Nizam Abdullah

Encik Abu Samah Yahya

YM Raja Halim Raja Daud

Encik Mazlan Yahya

Encik Ismail Mohamed

Encik Tinus Kumar

Encik Abd. Hadi Abd Malek

Encik Mohd. Azli Baharudin

Encik Zulkeflee Husin

Encik Mohd Fyruhnizam Yusof

Encik Anuar Kassim

Encik Abd Rahman Roseley

Encik Kamaruddin Salimin

Encik Hassim Mahadi

Encik Mazlan Hashim

Encik Jamal Sujak

## *Jawatankuasa Jemputan, Sambutan dan Protokol*

### **Pengerusi**

Encik Othman Ahmad

### **Setiausaha**

Encik Ghazali Bidin

### **Ahli**

Puan Ramlah Amir

Encik Rodzuan Ismail

Encik Kassim Mahmud

Encik Othman Ahmad

Puan Roslinda Hashim

Cik Zainah Hamijan

Puan Sanimah Ibrahim

Encik Abdul Aziz Idris

Puan Khadijah Juliana M.Johari

## *Panel Penilai*

### **Ketua Panel**

Encik Joseph Viktor Gonzales

### **Ahli Panel**

Encik Suhaimi Magi

Dr. Arif Ahmad

Encik Mohamad Tharuwat Bakti

Encik Mohd Najib Md. Nor

### **Penyelaras**

Encik Rodzuan Ismail

Encik Ridzuan Abdul Salam

## *Jawatankuasa Publisiti dan Pemasaran*

### **Pengerusi**

Encik Mohd. Bisharuddin Mohd.

Noor Basha

### **Setiausaha**

Puan Norbaya Jamaluddin

### **Ahli**

Puan Ramlah Amir

Puan Ruhani Mamat

Puan Zubaidah Sual

Puan Zubaidah Mokhtar

Encik Rosli Othman

Cik Haniah Hasan

Encik Mohd Husri Morni

Puan Khadijah Juliana M.Johari

Encik Abdul Aziz Idris

Puan Rodzilawati Abd. Rahim

## *Jawatankuasa Dokumentasi*

### **Pengerusi**

Puan Noorsiah Sabri

### **Setiausaha**

Encik Ghazali Abdullah

### **Ahli**

Puan Fauziah Zakaria

Puan Zahana Bidin

Encik Jamaludin Md. Nor

Encik Zaman Sulieman

Encik Shariff Kailani

Encik Amir Abu

Encik Ramli Ali

Encik Mohd Amin Sulaiman

Encik Abd Razak Bujang

Cik Nor Fizayati Abd Manaf

## *Sinopsis Tarian*

### **Kumpulan Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah**

### **Koreografer Jamil Magayad**

### **Bahagian Asli**

**Dendang Dusun** - Tarian ini amat popular dikalangan suku kaum Dusun yang tinggal di Daerah Menggatal.

Pada awalnya tarian ini bukanlah tarian asal suku kaum Dusun tetapi mendapat pengaruh daripada masyarakat Melayu Brunei yang tinggal di Kg. Karambunai di daerah Menggatal yang mana datang untuk berniaga di Tamu Besar daerah menggatal sehingga memakan masa selama 3 hingga 4 hari.

Pada waktu malam, sementara menanti tibanya siang hari, mereka akan berdendang di antara sesama peniaga yang hadir pada malam itu. maka hinggalah sekarang ini suku kaum Dusun daerah Menggatal menganggap tarian Dendang Dusun ini sebagai salah satu daripada tarian untuk hiburan mereka. Kini tarian ini diangkat ke persembahan pentas untuk diperkenalkan.

### **Bahagian Kreatif**

Sabah, Negeri Di Bawah Bayu menampilkan "SERU". Iaitu sebuah mentera yang masih diamalkan di Sabah. Dalam persembahan ini digabungkan beberapa jenis amalan dan kepercayaan seperti, ilmu ataupun "Guna-Guna", berhubung dengan kuasa ghaib dan sebagainya,

meskipun amalan tersebut tidak lagi diamalkan dari segi agama, tetapi ianya diangkat sebagai bahan seni untuk memperkayakan lagi khazanah budaya di Malaysia.

### **OVERTURE**

**RINAIT DO BOBOLIAN** adalah sebuah mentera dari masyarakat kadazan Dusun dijadikan sebagai pembuka panggung. Sementara empat jenis alat kelengkapan adalah mewakili beberapa rangkaian tari dalam inti pati persembahan keseluruhan.

### **INTIPATI TARI**

#### **A. Nunuk Ragang (Pohon Kayu Ara Merah)**

Menurut kepercayaan masyarakat Kadazan Dusun, mereka percaya bahawa pada zaman dahulu masyarakat Kadazan Dusun berasal dari pohon Nunuk Ragang, sebelum berlakunya perpecahan atau masing-masing mencari arah ke seluruh kawasan daerah di pelusuk negeri Sabah. Mereka juga percaya bahawa mereka harus menjaga kawasan Nunuk Ragang kerana pohon itu mempunyai penunggu.

#### **B. Semangat Gunung**

Masyarakat di Sabah yang tinggal di kawasan pergunungan seperti Kadazan Dusun dan Murut masih percaya bahawa setiap kawasan pergunungan yang didiami mempunyai penunggu yang harus dijaga dengan baik. Elemen tari yang terdapat dalam bahagian ini menampilkan satu

garapan pertemuan antara unsur tradisi dan moden. Sementara “Gong” digunakan untuk memanggil Semangat, manakala “Tikar Rotan” pula memperlihatkan satu imbasan pengubatan dipanggil “Rasuk”.

#### C. Mentera Pencak Sireh

Seperti negeri-negeri lain di Malaysia, sabah juga tidak ketinggalan dalam seni mempertahankan diri seperti Pencak Silat. Dalam bahagian ini memperlihatkan kekuatan mentera yang disalurkan melalui daun sireh yang digunakan dalam ilmu persilatan

#### D. Upacara

Elemen dalam persembahan upacara mengabungkan bahan-bahan budaya dari berbagai suku kaum, adat resam dan kepercayaan seperti :

- i) Mandi Bedak (Berbedak)
- ii) Mandu Bunga
- iii) Memanggil Dewa dan sebagainya.

#### Finale

Bahagian ini memperlihatkan elemen gerak iaitu satu kepercayaan dalam memenuhi keperluan hidup manusia. Perjalanan dan pencarian ertikata hidup sebanar masih belum selesai. Dalam mendepani cabaran di Alaf Baru, tradisi warisan bangsa masih dipertahankan.

#### Kumpulan

**Majlis Perbandaran Petaling Jaya,  
Selangor**

**Koreografer  
Kalsom Samad**

**Kumpulan  
Angkatan Seni Baru (NS)  
Sdn. Bhd.**

**Koreografer  
Encik Md. Desa Rahman**

#### Bahagian Asli

Inang sapu tangan dan joget ujang dan milah yang ditarikan sebagai tanda ucapan selamat datang diiringi nyanyian, pantun berloghatkan N.S. tari ini berasaskan dari gerak minang yang mementingkan kelembutan dan kesopanan penari yang dihiasi dengan pakaian baju melayu dan kebaya labuh.

#### Bahagian Kreatif

Randai Bertari yang berpegang pada pepatah “Bulat Air Kerana Pembe-tong Bulat Manusia Kerana Maufakat” telah diolah dan menggabungkan ciri-ciri persilatan dan konsep Endang juga disalurkan dalam bentuk tari yang memerlukan ketangkasan yang mengikut keserasian gerak Randai, Payung yang ditonjolkan diakhir persembahan menggambarkan kemasyarakatann budaya di Negeri Sembilan dibawah satu bumbung seperti pepatah diatas.

**Kumpulan  
Bridged Seni Mutiara,  
Pulau Pinang.**

**Koreografer  
Yusof Halmi bin Mahamad**

#### Bahagian Asli

Bertemakan “Timeless Impression” Pulau Mutiara menyajikan wadah seni yang selari dengan warisan sejarah majmuk dan kosmopolitan. Garapan tari ini mengimbau nostalgia kehadiran

pelbagai kumpulan etnik yang mewarnai seni budaya Pulau Pinang hingga kehari ini.

#### Bahagian Kreatif

Rangkuman dua lagu dalam dua genre; Inang dan Joget - Bermula dengan lagu “Ndoi-Ndoi Dam”, lagu rentak inang digarap daripada pentun seloka masyarakat Utara Semenanjung sebagai satira pendidikan. Sementara joget “Pucuk Pisang” adalah genre tai popular dipentas bangsawan dizaman kegemilangan sejak beberapa dekad dahulu di Pulau Mutiara ini.

**Kumpulan  
Taman Seni Budaya  
(Yayasan Warisan Johor)**

**Koreografer  
Ali Mat Pandi**

#### Bahagian Asli

1. Zapin Melayu Johor
2. Joget

#### Bahagian Kreatif

Tajuk : Perjalanan  
Tema : Ilmu Penyuluh Hidup

**Kumpulan  
Selendang Perak**

**Koreografer  
A. Karim Othman**

#### Bahagian Asli

Tarian ini menggambarkan kehidupan masyarakat Orang Asli di Ulu Kinta, Perak yang berdamping rapat dengan masyarakat Melayu yang hidup dengan harmonis dan sentiasa

berkerjasama dan bersuka ria - digambarkan dalam Tarian Inang dan Joget.

#### Bahagian Kreatif

“MENARI” - menari adalah sebagai salah satu cabang seni bersangkutan dengan kehidupan manusia. Persembahan ini menggambarkan cara hidup masyarakat yang seolah-olah berlakun. Manusia melakukan segala hal yang berlaku di dunia ini.

**Kumpulan  
Bridged Budaya Majlis  
Perbandaran Kuantan.**

**Koreografer  
Badarzaman Jusoh @ Harun**

#### Bahagian Asli

TERENANG - Sebuah tarian berirama asli yang menggunakan periuk tanah yang dikenali sebagai “Terenang” dan digunakan untuk memasak akar kau sebagai rawatan batinhiah untuk penyantin baru

ZAPIN RAUB - Tarian yang sering ditarikan dihadapan pengantin baru oleh muda-mudi yang datang menyaksikan sebuah persandingan. Tarian ini amat popular di Raub Pahang.

#### Bahagian Kreatif

TERATAI - Tarian yang menggambarkan kehidupan teratai yang menghiasi Tasik Chini. Didalam keindahannya, teratai juga menghadapi bergaia pahit maung didalam riwayatnya dan juga mempunyai perasaan didalam semangatnya.

**Kumpulan**  
**Badan Kesenian Negeri Kedah**

**Koreografer**  
**Wan Mohd. Nor**

**Kumpulan**  
**Kristal Kirana Perlis**

**Koreografer**  
**Zahir Mozni Osman**

**Bahagian Asli**

Zapin dan Joget

**Bahagian Kreatif**

Pengembaraan puteri Kayangan

**Kumpulan**  
**"D'CIPTA" Kementerian**  
**Pembangunan Sosial Sarawak**

**Koreografer**  
**Rahamah Mohd Ekbar**

**Bahagian Asli**

**TANDAK MELAYU SARAWAK DAN**  
**JOGET TANJUNG KATUNG**

Tarian ini hampir pupus dan dengan menyertai festival ini diharapkan agar dapat mempopularkannya kembali. Tandak Melayu biasa ditarikan semasa majlis perkahwinan sebagai selingan dalam majlis berzikir. Gerak tari adalah gerak ular menyusur daun kering dan pahlawan menerina keris.

Tanjung Katung adalah merupakan tarian muda mudi yang riang gembira bermain di taman bunga. Gerak tari dalam tarian ini menggambarkan tatususila dalam membawa pasangannya

pergi berjalan. Ada gerakan menjemput dan menghantar pulang.

**Bahagian Kreatif**

Taksyim - adalah ungkapan mula atau overture muzik gambus seterusnya dikembangkan menuju harapan dan pencapaian mengilhami tarian kreatif ini

Gerak tari - adalah berasaskan ratib saman dan juga gerak-gerak tari masa kini.

Tarian Kreatif ini menggambarkan satu pencarian dalam jiwa seni yang ingin meneroka jauh di luar batas diri namun walau banyak rintangan dan halangan, jati diri harus dapat dipertahankan.

Semoga hasil seni dapat diterima sebagai hasil seni sezaman



*Kumpulan Terbaik FTK '98 dari Negeri Kedah merakamkan kenangan bersama.*




*Persembahan Terbaik Tarian Asli dari Negeri Sarawak*



*Negeri Sabah dengan persembabannya yang kreatif memenangi anugerah Persembaban Harapan.*



*Tarian lemah gemalai pengubat rindu dari Negeri Sembilan.*




*Siren Junjung pembuka kata*



*Manifestari rentak dan irama dari Negeri Johor.*



*Sebuah persembaban Tarian Etnik dari Negeri Sabah.*



*"Pak ketipak ketipung..." persembaban tarian dari Negeri Terengganu*

*Festival*  
**TARI**  
*Kebangsaan '99*

*Sekalung Budi*

*Kementerian Kebudayaan, Kesenian  
dan pelancongan Malaysia  
merakamkan penghargaan dan ucapan  
setinggi-tinggi terima kasih kepada  
semua yang terlibat dan memberi  
sokongan secara langsung atau  
tidak langsung bagi menjaya dan  
menyempurnakan pelaksanaan*

**Festival Tari Kebangsaan '99**

